KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 8/1/2022 (SABTU) | MUKA SURAT | : | 6 |
| JABATAN | : | KeTSA | | | |

SH 8.1.2022_6

# 'Setiap negeri ada jadual penebangan'

## Takiyuddin akan minta penjelasan Mohd Amar berhubung kuota balak di setiap negeri

**Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

KUOTA BALAK

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan akan menghubungi Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berhubung kuota balak setiap negeri.

Jelasnya, setiap negeri sebenarnya mempunyai jadual penebangan tahunan dan kuota.

Menurutnya, kuota balak akan ditentukan melalui keputusan Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan ahli-ahlinya terdiri daripada menteri besar serta ketua menteri.



TAKIYUDDIN

"Saya tak pasti kenyataannya (Mohd Amar), saya akan hubungi beliau," katanya dalam sidang akhbar di kementeriannya pada Jumaat.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Mohd Amar yang mengatakan bahawa kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa menentukan kuota penebangan balak di setiap negeri, sebaliknya kegiatan tersebut dilakukan mengikut perkara yang termaktub di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata, pada asasnya, jadual penebangan tahunan ditentukan berdasarkan 'Malaysian Criteria and Indicator For Forest Management Certification' sejak 2012 lagi.

"Setiap negeri tidak boleh menebang atau mengeluarkan kayu balak melebihi kuota dibenarkan," ujarnya.